


# PENGENDALIAN PERBICARAAN DI BAWAH BHG. XV AKTA KERJA 1955




## **KUASA-KUASA KETUA PENGARAH DAN PEGAWAI-PEGAWAI TENAGA KERJA DI BAWAH BHG. XV AKTA KERJA 1955**

Disediakan Oleh  
Chua Ah Ley  
Penolong Pengarah Tenaga Kerja Kanan  
Seremban, Negeri Sembilan

# SEJARAH PERBICARAAN MAHKAMAH BURUH

- ❖ Peruntukan telahpun diadakan di Kanun Buruh 1895 bagi pekerja-pekerja yang bekerja di lombong untuk membuat tuntutan gaji.
- ❖ Pada 1899 Mahkamah Buruh pertama diwujudkan khas untuk pekerja-pekerja Cina di lombong untuk membuat tuntutan gaji.
- ❖ Kanun Buruh 1912 memperuntukkan bahawa pekerja-pekerja yang tidak mematuhi Sek.222 Kanun Buruh tersebut boleh disabitkan di Mahkamah Buruh.

# SEJARAH PERBICARAAN MAHKAMAH BURUH



Pada 1925 pekerja bukan Cina dibolehkan membuat tuntutan dengan syarat, pekerja bukan Cina yang bekerja disuatu tempat pekerjaan boleh menyertai tuntutan bersama dengan pekerja-pekerja Cina (*joiner claim*) sekiranya terdapat sekurang-kurangnya 20 orang pekerja Cina yang digajikan di tempat pekerjaan itu.


## SEJARAH PERBICARAAN DI BAWAH BHG. XV AKTA KERJA 1955

Selepas Akta Kerja 1955 dipinda dan bermula pada 10.10.69 pekerja-pekerja disektor swasta diberi kemudahan-kemudahan seperti cuti bergaji, cuti kelayakan dan cuti rehat bergaji, bayaran kerja lebihmasa dan bayaran tambahan kerana bekerja pada cuti mingguan dan hari kelepasan.

## SEJARAH PERBICARAAN DI BAWAH BHG. XV AKTA KERJA 1955

Mulai 1.10.1980 Ketua Pengarah diberi kuasa di bawah Sek 69(3) Akta Kerja untuk menyiasat dan mengesahkan atau mengetepikan keputusan majikan di bawah Sek 14 untuk menurunkan pangkat pekerja atau mengantung perkhidmatan pekerja ( *suspension of work*).

## SEJARAH PERBICARAAN DI BAWAH BHG. XV AKTA KERJA 1955



Mulai 10.2.1989 Ketua Pengarah diberi kuasa di bawah Sek 69(3) Akta Kerja 1955 untuk menyiasat dan mengesahkan atau menyetujui apa-apa keputusan yang di buat oleh majikan di bawah Sek 14 (1).

Mulai 1.8.1998 Sek. 69B dan Sek 69C diperkenalkan untuk memberi kuasa tambahan kepada Ketua Pengarah.

# Kuasa Ketua Pengarah Di Bawah Sek 69(1), Akta Kerja 1955

Di bawah Seksyen ini Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk menyiasat dan membuat keputusan ke atas sebarang pertikaian di antara pekerja dan majikannya berkenaan gaji dan bayaran-bayaran lain yang kena dibayar kepada pekerja tersebut di bawah-

- (a) sebarang terma kontrak perkhidmatan
- (b) sebarang peruntukan di bawah Akta atau sebarang undang-undang subsidiari dibuat dibawahnya
- (c) sebarang peruntukan Akta Majlis Penetapan gaji 1947 atau perintahnya.

# Kuasa Ketua Pengarah Di Bawah Sek 69(1), Akta Kerja 1955

Di bawah Seksyen ini Ketua Pengarah boleh membuat satu perintah dalam Borang C untuk pembayaran oleh majikan sesuatu jumlah wang yang disifatkannya adil tanpa batasan tentang jumlah itu.

## Syarat- Syarat Ketua Pengarah Boleh Melaksanakan Kuasa Di Bawah Sek 69(1), Akta Kerja 1955

Dalam kes Mahkamah Agong *Uvarajah a/l Kanasevan @ Kanagasabai & Anor. V. Penolong Pengarah Buruh Butterworth & 2 Ors* [1992] 1 ILR 291 Harun M. Hashim SCJ telah menyatakan:

***" ...in so far as inquiries under s. 69 concerned. This Court in Asia Motor(K.L) Sdn. Bhd. V. Ram Raj. & Anor [1985]2 MLJ 203 held at p.206 that a dispute under s.69 of the Employment Act must satisfy three condition, viz.***



*1. That it is a dispute between an employee and his employer;*

*2. That it is a dispute to pay wages;  
and*

*3. The dispute arose out of any term in contract of service between such employee and his employer.*

**Adakah Ketua Pengarah Mempunyai Kuasa Di bawah Sek 69(1) Akta Kerja 1955 Untuk Menyiasat dan Memutuskan Sesuatu Pertikaian Bayaran yang Termaktub di bawah Terma Satu Perjanjian Kolektif ?**

**Dalam kes Mahkamah Agong *Uvarajah a/I Kanasevan @ Kanagasabai & Anor. V. Penolong Pengarah Buruh Butterworth & 2 Ors [1992] 1 ILR 291* Harun M. Hashim SCJ telah menyatakan:**

***" Indeed the Director General of Labour under s. 69 of the Act must necessarily interpret and enforce the terms of the Collective Agreement when deciding on a complaint and making an order thereunder."***

# Kuasa Ketua Pengarah Di Bawah Sek 69(2), Akta Kerja 1955


Mendengar dan membuat keputusan ke atas sebarang tuntutan oleh-

(a) seorang pekerja terhadap prinsipal di bawah Sek 33 Akta Kerja 1955;

(b) seorang kontraktor buruh terhadap kontraktor atau subkontraktor;

(c) seorang majikan terhadap pekerjaanya berkenaan bayaran ganti rugi di bawah Sek. 13(1) Akta Kerja 1955.


## Kuasa Ketua Pengarah Di Bawah Sek 69(3), Akta Kerja 1955



---

Menyiasat dan mengesahkan atau mengetepikan mana-mana keputusan yang dibuat oleh seorang majikan di bawah Sek.14(1) Akta Kerja 1955.

## Kuasa Ketua Pengarah Di Bawah Sek 69(3A), Akta Kerja 1955



---

Mengenakan faedah keatas jumlah wang yang diperintah dengan kadar 8% atau kurang setahun dikira mulai hari ke-31 dari tarikh perintah.

# Bidangkuasa Ketua Pengarah Di Bawah Sek 69, Akta Kerja 1955

Kecuali s.69(2)(ii), Ketua Pengarah Buruh hanya mempunyai bidangkuasa untuk menjalankan penyiasatan di bawah s.69 Akta Kerja 1955 sekiranya pertikaian itu melibatkan pekerja yang didefinisikan di bawah Jadual Pertama Akta Kerja 1955.

# Had Kuasa Ketua Pengarah Di Bawah Sek 69, - Sek 69A Akta Kerja 1955

Ketua Pengarah tidak boleh menyiasat, mendengar, atau membuat sebarang perintah terhadap sebarang tuntutan, pertikaian atau yang berupa pertikaian menurut Akta Perhubungan Perusahaan 1967, yang:

- a) sedang dalam penyiasatan atau prosiding di bawah Akta tersebut;
- b) telah diputuskan oleh Menteri di bawah Sek.20(3) akta tersebut;
- c) telah dirujuk atau sedang dalam prosiding di Mahkamah Perusahaan.

# Had Kuasa Ketua Pengarah Di Bawah Sek 69(2)(i) Akta Kerja 1955

Ketua Pengarah tidak boleh mendengar dan memutuskan tuntutan upah oleh seorang pekerja terhadap seorang prinsipal melainkan aduan dibuat dalam tempoh 90 hari dari tarikh upah itu menjadi kena dibayar oleh majikannya menurut peruntukan pembayaran upah di bawah Akta ini.

# Had Kuasa Ketua Pengarah Di Bawah Sek 69(3) Akta Kerja 1955

Ketua Pengarah semasa mengetepikan keputusan majikan, Ketua Pengarah hanya boleh membuat perintah yang dihadkan:

- a) pembayaran ganti rugi sebagai ganti notis; dan
- b) Pembayaran-pembayaran lain (contohnya faedah penamatan kerja)

yang pekerja itu berhak seolah-olah tidak ada salah laku yang telah dilakukan oleh pekerja.

# Had Kuasa Ketua Pengarah Di Bawah Sek 69(3) Akta Kerja 1955

Ketua Pengarah tidak boleh mengetepikan keputusan majikan yang dibuat di bawah s.14(1)(c) , sekiranya keputusan itu tidak menyebabkan apa-apa kerugian dalam gaji dan bayaran-bayaran lain pekerja yang kena dibayar di bawah kontrak perkhidmatan.

# Had Kuasa Ketua Pengarah Di Bawah Sek 69(3) Akta Kerja 1955

Ketua Pengarah tidak boleh menjalankan kuasa di bawah subseksyen ini melainkan pekerja membuat aduan kepada Ketua Pengarah dalam tempoh 60 hari dari tarikh atas keputusan di bawah s.14 itu disampaikan kepadanya secara bertulis atau secara lisan oleh majikan.

## Kes Undang-undang Mengenai Had Kuasa Ketua Pengarah Di Bawah Sek 69(3) Akta Kerja 1955

Dalam kes Mahkamah Tinggi Johor Bahru Rayuan Sivil No.16-4 Tahun 1987 , [1990] 1 CLJ 88, di antara Ken-Ken Industries Sdn. Bhd. V. Abhiramy A/P Muthana Thevar Krishnan, Hakim Dato' Hj.Abu Mansor Bin Ali semasa membenarkan rayuan atas alasan pengaduan dibuat di luar tempoh masa telah memutuskan:

*“ She is clearly out of time and I hold that when the Labour Department conducted the inquiry on 25<sup>th</sup> of September, 1986, the officer was clearly without jurisdiction and consequently the order made was therefore void and of no effect.”*

Kes Undang-undang Mengenai Had Kuasa Ketua Pengarah Di Bawah Sek 69(3) Akta Kerja 1955

**Dalam kes Ken-Ken Industries Sdn. Bhd. V. Abhiramy A/P Muthana Thevar Krishnan [1990] 1 CLJ 88, tempoh had masa di bawah sek69(3) ialah 30 hari, pekerja telah diturun pangkat pada 1 haribulan Oktober 1985 dan pengaduan hanya dibuat kepada Ketua Pengarah pada 24 haribulan Mac 1986.**

## Kuasa Tambahan Ketua Pengarah Di bawah Sek 69B Akta Kerja 1955

- Di bawah Sek. 69B, kuasa Ketua Pengarah di bawah Sek. 69(1)(a) dilanjutkan untuk meliputi pekerja yang bergaji melebihi RM1,500 hingga RM5,000 sebulan.
- " Gaji" bermakna seperti yang ditafsir di Sek. 2 tetapi tidak termasuk komisyen, elaun sara diri atau bayaran lebihmasa.

# Tuntutan Ganti Rugi Untuk Penamatan Kerja Tanpa Notis Di bawah Sek 69C Akta Kerja 1955

Di bawah Sek. 69C, semasa menjalankan kuasa di bawah Sek. 69B(1) Ketua Pengarah boleh menyiasat dan membuat keputusan bagi sebarang tuntutan berkenaan ganti rugi penamatan kerja tanpa notis oleh seorang pekerja atau majikan terhadap majikan atau pekerja.

## Percantuman Beberapa Aduan Ke Dalam Satu Aduan - Sek 72 Akta Kerja 1955

Jika terdapat lebih ramai pekerja daripada ~~seorang pekerja~~ yang mempunyai sebab yang sama untuk mengadu terhadap majikan yang sama, Ketua Pengarah boleh, jika difikirkan patut, membenarkan seorang pengadu untuk mewakili sekumpulan pengadu untuk membuat aduan dan hadir dalam perbicaraan.

## Prosedur Dalam Percantuman Beberapa Aduan Ke Dalam Satu Aduan - Sek 72 Akta Kerja 1955

Dalam kes *Yap Kim Chan v. Yap Sow & Ors.* [K.L.- Civil Appeal No. 5 Of 1960 ] A.C.J Ong J. telah memutuskan bahawa apabila Ketua Pengarah ingin melaksanakan kuasa budibicaranya di bawah Sek.72, beliau perlu memastikan:

- a. Nama dan alamat semua pengadu direkodkan dalam buku kesnya;
- b. Terdapat sebab yang sama untuk mengadu;
- c. Ketua pengadu telah diberi kuasa atau kebenaran oleh pengadu lain untuk bertindak dan mewakili mereka; dan
- d. Beliau telah membenarkan percantuman ini dilakukan di bawah peruntukan Sek. 72.

## Perintah Larangan Oleh Ketua Pengarah Kepada Pihak Ketiga – Sek 73 Akta Kerja 1955

**Jika wujudnya satu kontrak di antara seorang majikan dengan satu pihak ketiga yang mana pekerja-pekerja menjalankan kerja yang berkenaannya perintah dibuat di bawah Sek.**

**69,69B atau 69C, suatu perintah larangan dalam Borang E boleh dikeluarkan terhadap pihak ketiga untuk melarangnya daripada membayar kepada majikan dan menghendakinya membayar kepada Ketua Pengarah jumlah wang seperti yang diperintah di bawah Sek. 69,69B atau 69C.**

# SIAPAKAH BOLEH MELAKSANANKAN KUASA KETUA PENGRAH DI BAWAH SEK. 69 AKTA KERJA

**Menurut Sek.3(3) Akta Kerja**

**1955 ,tertakluk kepada batasan-**

**batasan yang ditetapkan di bawah**

**peraturan yang dibuat di bawah Akta**

**ini, mana-mana pegawai yang**

**dilantik di bawah Sek.3(2) boleh**

**melaksanakan kuasa Ketua Pengarah**

**di bawah Sek. 69.**


# PERATUTAN-PERATURAN KERJA (PEMBATASAN KUASA PEGAWAI) 1993.

Boleh melaksanakan kuasa Ketua Pengarah di bawah sek. 69 , tanpa batasan:

- Timbalan Ketua Pengarah Tenaga Kerja
- Pengarah Tenaga Kerja
- Timbalan Pengarah Tenaga Kerja
- Penolong Pengarah Tenaga Kerja Kanan
- Penolong Pengarah Tenaga Kerja

Hanya boleh melaksanakan kuasa Ketua Pengarah di bawah sek. 69, dengan kebenaran bertulis terdahulu oleh Ketua Pengarah:

- Pegawai Tenaga Kerja



**TERIMA KASIH**